



BULETIN INFOLIB

ISSN 2180-3943



9 772180 394002

BIL. 47
2024
JULAI-DISEMBER

ISI *Kandungan*

SIDANG REDAKSI	i
-----------------------	---

KATA ALU-ALUAN	ii
-----------------------	----

BICARA KAKITANGAN

Kenaikan Pangkat	1
Berita Kematian	2-3

PROGRAM JULAI-DISEMBER 2024

Julai 2024	4-10
Ogos 2024	11-18
September 2024	19-21
Oktober 2024	22-27
November 2024	28-33
Disember 2024	34-39

POSTER PROMOSI

Inspirasi Isnin	40
Mutiara Kata	41
Quote of the Day	42-45
E-book IR	46-49
S.I.R. Corner	50
Pertandingan	51-52
Program & Aktiviti	53
Perkhidmatan	54

SIDANG REDAKSI



KETUA EDITOR
Siti Zubaidah binti Ahmad



EDITOR
Syarifah Azmirina binti
Syed Baniamin
Nur Athirah binti Ismail
Norlina binti Ahmad



PEMBACA PRUF
Azleena binti Basiron
Nor Parasila binti Ahmad Kamali



PEREKA GRAFIK
Nur Athirah binti Ismail
Norlina binti Ahmad



FOTOGRAFI
Salinah binti Salleh

KATA ALU-ALUAN



Nor Zarini binti Ismail

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas kejayaan penerbitan buletin perpustakaan ini.

Penerbitan ini diharapkan dapat menjadi medium informasi yang bermanfaat kepada warga PSA serta menghubungkan perpustakaan dengan komuniti akademik.

Perpustakaan Ibnu Khaldun komited dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti seiring dengan keperluan maklumat yang semakin berkembang.

Dengan perkembangan teknologi dan kepelbagai sumber rujukan, perpustakaan terus melangkah ke hadapan dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih fleksibel, termasuk akses maklumat secara digital.

Diharapkan semua dapat memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan untuk terus menyemarakkan kecintaan terhadap ilmu.

Selamat membaca dan semoga InfoLib memberi manfaat kepada semua.

BICARA KAKITANGAN

Kenaikan pangkat

Tahniah diucapkan kepada YBrs Ts. Dr. Ainul Haezah binti Noruzman atas kenaikan pangkat ke Gred DH52.

Beliau sebelum ini merupakan Pensyarah Gred DH48 di Jabatan Kejuruteraan Awam dan telah berkhidmat di Perpustakaan sebagai Penyelaras, bertanggungjawab menyelaras pelbagai aktiviti dan pengurusan perpustakaan.

Selain itu, beliau juga memainkan peranan penting sebagai Ketua Unit Penerbitan di Perpustakaan Ibnu Khaldun.

Selamat maju jaya diucapkan kepada YBrs Ts. Dr. Ainul Haezah atas pencapaian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas segala sumbangan serta dedikasi beliau kepada Perpustakaan Ibnu Khaldun.



BICARA KAKITANGAN

Berita kematian



Takziah diucapkan kepada Puan Azleena binti Basiron (Pembantu Pustakawan) atas kehilangan Ibunda tercinta yang telah pergi menghadap Ilahi pada 18 November 2024 yang lalu.

Pemergian arwah akibat penyakit yang dihidapi serta keadaan ibunda yang semakin uzur merupakan ujian berat buat beliau. Sebelum ini, beliau baharu sahaja kehilangan suami tersayang, dan kini diuji sekali lagi dengan kehilangan ibunda.


Sungguh berat ujian yang ditanggung oleh beliau. Dalam kehidupan ini, setiap hamba-NYA pasti akan diuji mengikut kemampuan yang ditetapkan. Kita sebagai hamba perlu menerima takdir ini dengan hati yang redha, kerana segala yang berlaku adalah tanda kasih sayang Allah terhadap setiap hamba-NYA.

Semoga Puan Azleena terus diberi kekuatan, ketabahan, dan keredhaan dalam menghadapi ujian ini. Salam takziah lagi sekali dari warga Perpustakaan buat beliau.

BICARA KAKITANGAN

Berita kematian

Salam takziah kepada keluarga arwah Haji Jasni yang meninggal dunia pada 16 Disember 2024.



Tuan Haji Jasni bin Mohd Noor merupakan Mantan Ketua Pusat Pengurusan Aset & Fasiliti di PSA, serta seorang Pensyarah Utama Gred 52 di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Arwah adalah seorang bekas pesakit kanser, dan baru-baru ini penyakit beliau kembali aktif. Sebelum pemergian beliau, arwah telah mengambil cuti sakit untuk mendapatkan rawatan susulan di Hospital Columbia, Klang.

Semoga arwah diberikan ketenangan di sisi Allah setelah sekian lama menanggung penderitaan.

Marilah kita sedekahkan Al-Fatihah buat beliau dan salam takziah lagi sekali dari warga Perpustakaan buat keluarga arwah.



PROGRAM PERPUSTAKAAN JULAI-DISEMBER 2024

Stock take & pelupusan

Pelaksanaan kerja stock take dan pelupusan bahan perpustakaan

Bulan Julai 2024 merupakan cuti semester panjang di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Sepanjang tempoh cuti ini, semua kakitangan Perpustakaan terlibat dalam "Projek Stock Take dan Pelupusan Bahan Perpustakaan".

Tugas kakitangan Perpustakaan adalah untuk memastikan setiap buku di rak disemak dan dimasukkan ke dalam sistem "LIBSTAR".

Sekiranya terdapat kerosakan pada bahan tersebut, staf perlu merekodkan bahan tersebut dalam kategori lupus.

Setakat bulan Julai 2024, sebanyak 39,040 judul buku telah disemak dan 4.298 judul buku telah direkodkan bagi tujuan pelupusan.

SEPANJANG JULAI 2024





Audit ETAC

Unit Perpustakaan Ibnu Khaldun di bawah seliaan Puan Siti Zubaidah binti Ahmad dan diketuai oleh Puan Zarini binti Ismail sebagai Ketua Pusat terlibat di dalam persediaan pra-audit bersama 2 panel auditor yang telah dilantik.



Audit ini meliputi semua pemeriksaan ke atas dokumen berkaitan pengurusan, pembelian buku, aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan.



3 JULAI 2024

Audit
ETAC

Sukses 3.0

10-12 JULAI 2024

Program Karnival Sukses 3.0 Peringkat Negeri Selangor

Perpustakaan Ibnu Khaldun telah terlibat dalam Program Karnival Sukses 3.0 peringkat negeri Selangor yang telah dilaksanakan di PSA.


Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan oleh Perpustakaan untuk pelajar yang hadir, antaranya Kuiz Roda Jawi, Pameran Manuskrip, Roda Ilmu, dan Dam Ular Gergasi.

Pada hari pertama program, Pengarah dan AMP PSA telah meluangkan masa untuk mengunjungi perpustakaan dan melihat sendiri aktiviti yang sedang berlangsung.

Antara yang mendapat perhatian Pengarah adalah Pameran Manuskrip yang dipamerkan di ruang legar, serta permainan Dam Ular Gergasi yang turut menarik perhatian pengunjung.

Selain itu, lawatan oleh pelajar sekolah dari pelbagai daerah di negeri Selangor telah memeriahkan lagi suasana dan memberikan keceriaan kepada semua yang terlibat.





Kursus Penulisan Kreatif

Lokasi : E-Learning PSA

Perpustakaan Ibnu Khaldun telah menganjurkan Kursus Penulisan Kreatif selama dua (2) hari pada 24-25 Julai 2024 bertempat di Pusat e-learning (FITAC) PSA. Panel jemputan merupakan seorang pensyarah dari Politeknik Mersing yang berpengetahuan luas dalam bidang teknologi pengajaran.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai teknik dan gaya penulisan kreatif berlandaskan teori, kaedah dan pendekatan praktik yang lebih sistematik.

Seramai 20 peserta yang terdiri daripada kakitangan PSA telah menyertai kursus tersebut.





GOTONG-ROYONG BULANAN EKSA

Zon Angsana

Puan Nor Parasila dari Perpustakaan Ibnu Khaldun telah dipilih mewakili "Zon Angsana" sebagai Ketua Zon bagi Program EKSA PSA 2024. Zon Angsana terdiri daripada Perpustakaan Ibnu Khaldun dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi (CRI).

Pada 26 Julai 2024 merupakan hari gotong royong anjuran Eksa Zon Angsana buat pertama kali bagi sukuan pertama 2024.

Fokus utama gotong-royong ini dijalankan adalah pengasingan barang-barang yang tidak lagi diperlukan, menyisihkan barang yang rosak dan aktiviti pembersihan di semua persekitaran perpustakaan agar lebih kondusif.



Proses penyisihan bahan terbitan yang tidak relevan telah diasingkan untuk dijual atau dikitar semula.



GOTONG-ROYONG BULANAN EKSA



Wayar kabel yang berselirat dan tidak terurus di ruang belakang meja sudut OPAC telah diikat dan disusun kemas.



Meja dan kerusi yang rosak dan tidak diguna pakai diasingkan ke stor sementara untuk proses pelupusan.




Pembentangan Appsheets

Pada 6 hingga 8 Ogos 2024, Ketua Unit dan Pustakawan Kanan Perpustakaan Ibnu Khaldun telah membentangkan tentang pembangunan aplikasi Appsheets yang dibangunkan sendiri oleh Puan Beghum selaku Pustakawan Kanan dan telah digunakan oleh kakitangan kaunter perpustakaan PSA.

Pembentangan tersebut telah dilaksanakan melalui Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia. Kertas inovasi tersebut melibatkan Puan Beghum (Pustakawan Kanan), Puan Siti Zubaidah (Ketua Unit) dan Nur Athirah (Penolong Pustakawan) dari Perpustakaan Ibnu Khaldun.

Terdapat enam (6) modul dalam aplikasi tersebut iaitu modul check-in, tempahan bilik, soalan rujukan, pengguna perpustakaan, bahan rujukan dan stock take bahan perpustakaan.



Rata-rata kakitangan kaunter perpustakaan memberi pandangan yang dengan adanya aplikasi ini, ianya amat memudahkan mereka untuk menjana statistik kehadiran pengunjung perpustakaan seterusnya dapat dijadikan rujukan untuk membuat keputusan bagi analisis data tersebut.

10 OGOS 2024

JAWATANKUASA PENSIJILAN MAJLIS KONVOKESYEN PSA KE-25

Pada 10 Ogos 2024, empat kakitangan Unit Perpustakaan Ibnu Khaldun, iaitu Puan Nur Athirah, Puan Nor Parasila, Puan Norlina, dan Puan Azleena, telah diberi kepercayaan dan dilantik sebagai Jawatankuasa Pensijilan bagi sesi pagi dan petang sempena Majlis Konvokesyen PSA ke-25.

Mereka memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran proses penyediaan serta pengurusan folder sijil pelajar, yang akan disampaikan kepada graduan oleh Pengarah PSA sepanjang majlis berlangsung.

Komitmen dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas ini diharapkan dapat menyumbang kepada kejayaan majlis konvokesyen, sekaligus memastikan pengalaman yang lancar dan bermakna bagi semua graduan yang diraikan.





Pada 14 Ogos 2024, program Gotong-Royong Merdeka EKSA telah diadakan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) mengikut zon yang telah ditetapkan. Setiap zon EKSA PSA perlu menanam dua (2) anak pokok mewakili zon masing-masing. Perpustakaan Ibnu Khaldun terlibat bagi tanaman di Zon Angsana.

Masa Aktiviti

7.30 pagi	Bacauan Dua Lagu Negeraku Aktiviti Senam robik EKSA (Dataran PSA) Nyanyian Lagu Merdeka
8.00 pagi	Gimik Pelancaran (Taman Herba) Majlis Pelancaran Ipokok 1staf oleh YBhg. Profesor Dr. Mohd Binti Rujhan Pengarah PSA
8.30 pagi	Gotong-royong Merdeka EKSA PSA di 16 Zon EKSA
12.00 tengah hari	Tamat

Tema pakalan: T-Shirt dan Tudung Hijau, topi

MALAYSIA MADANI | [@psa_madan](#) | [@psa_psasas](#) | [X @psa_psasas](#) | [@PSA TV](#) | [@psas](#)

Gotong-Royong MERDEKA EKSA

Program ini diadakan bertujuan untuk memupuk sikap menjaga kebersihan alam sekitar dan mengeratkan hubungan silaturrahim di dalam Politeknik.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah senamrobik, pelancaran gimik program, menanam pokok (1 staf 1 pokok), membuang sampah, mengitar semula barang buangan di tong roro.





GOTONG-ROYONG

Merdeka EKSA





Pada 26 Ogos hingga 5 September 2024, telah berlangsung program Literasi Maklumat Pelajar Baharu Sesi 1:2024/2025 yang melibatkan 655 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Perdagangan.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT PELAJAR BAHARU SESI 1:2024/2025

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perkhidmatan Perpustakaan Ibnu Khaldun dan pencarian maklumat menggunakan pangkalan data yang terdapat di PSA Digital Library.



AUDIT AKREDETAJI ETAC

Perpustakaan Ibnu Khaldun turut terlibat secara langsung dalam Lawatan Audit Akreditasi ETAC. Audit ini adalah penilaian dari Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan iaitu badan wakil oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) kepada pihak institusi bagi mengiktiraf program Kejuruteraan yang ditawarkan oleh pihak institusi.

Audit ini merupakan penandaaran bagi program kejuruteraan yang ditawarkan oleh PSA merangkumi semua aspek penilaian ke atas tawaran program, kesediaan fasiliti, perkhidmatan kepada pelajar serta aspek keselamatan.

Semua kakitangan perpustakaan telah terlibat dalam audit ini dan hasil dapatan semakan audit yang dibuat adalah Perpustakaan Ibnu Khaldun memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak ETAC.





Agihan Buku

DI PERHIMPUNAN BULANAN PSA

SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MALAYSIA MADANI

Sempena Perhimpunan Bulanan PSA pada 30 Ogos 2024, telah diadakan agihan buku Setahun Bersama Kerajaan Malaysia Madani yang telah diserahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi kepada warga PSA sebagai rujukan dan sumber maklumat mengenai pencapaian serta inisiatif kerajaan dalam membangunkan negara.

PROSES KERJA

BUKU SUMBANGAN



OGOS 2024



Buku sumbangan ini diperoleh daripada individu perseorangan serta sumbangan daripada jabatan kerajaan dan swasta.

Bahan tersebut akan dipilih terlebih dahulu mengikut kesesuaian sebelum diproses dan dikatalogkan.



Proses akhir yang dilakukan oleh pelajar latihan industri melibatkan penampalan stiker barkod pada bahan sebelum disusun di rak.

Langkah ini bertujuan untuk memastikan setiap bahan dapat dikenal pasti dan diakses dengan lebih sistematik dalam sistem perpustakaan.



TAKLIMAT PENCARIAN MAKLUMAT MELALUI PANGKALAN DATA PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN



Pada 9 hingga 13 September 2024, Perpustakaan Ibnu Khaldun telah mengadakan Taklimat Pencarian Maklumat melalui Pangkalan Data Perpustakaan Ibnu Khaldun seperti maklumat berikut.

Perpustakaan Ibnu Khaldun mempunyai dua (2) pangkalan data utama iaitu melalui e-library JPPKK dan S.I.R. Corner (Projek Khidmat Komuniti (CSR) dari Yayasan Bank Rakyat) bagi kegunaan kakitangan dan pelajar PSA.

9-13 SEPTEMBER 2024

Puan Beghum Ulfhat Shehnaaz Binti Amir Razli
(Pustakawan Kanan Perpustakaan)

10 - 11 pagi atau 3 - 4 petang
Bilik Multimedia, Perpustakaan Ibnu Khaldun



SELAMAT MAJU JAYA BALQIS & ATIFAH!



Majlis jamuan perpisahan diadakan pada 12 September 2024 yang lepas bagi meraikan pelajar Latihan Industri Diploma Informatik Perpustakaan dari Universiti Teknologi MARA cawangan Kedah.

Cik Balqis Batrisyia binti Azharolkhair dan Cik Nur Atifah Sophia binti Sabry telah menjalani latihan industri di Perpustakaan Ibnu Khaldun selama tiga bulan, bermula 22 Julai hingga 13 September 2024.

Sepanjang tempoh ini, mereka didedahkan kepada pengurusan perpustakaan, sistem, katalog, program, serta proses pelupusan bahan.

Sebagai tanda kenangan, Perpustakaan Ibnu Khaldun menghadiahkan sedikit sumbangan kepada Balqis dan Atifah. Semoga pengalaman ini bermanfaat dan berguna dalam dunia pekerjaan kelak.

GOTONG-ROYONG PERALIHAN BUKU PELUPUSAN

BILIK KENANGA KE SUDUT KANAK-KANAK



20 September 2024

Proses pemindahan buku LUPUS telah dilaksanakan semasa cuti semester pendek yang lalu.

Buku tersebut dikategorikan sebagai LUPUS dan ditempatkan sementara di Bilik Kenanga sebelum dipindahkan ke lokasi khas, iaitu Sudut Kanak-kanak.



SILING RUNTUH DI RUANG BACAAN PERPUSTAKAAN

Pada 7 Oktober 2024, siling di ruang bacaan Perpustakaan Ibnu Khaldun telah runtuh dalam kejadian yang berlaku pada hujung minggu. Syukur, tiada kecederaan dilaporkan semasa insiden tersebut.

Laporan segera telah dibuat kepada pihak pengurusan, dan kerja-kerja pembaikan telah diselesaikan oleh Unit Bangunan dan Infrastruktur.



Majlis Perpisahan Mantan Penyelaras

Unit Perpustakaan Ibnu Khaldun



Pada 11 Oktober yang lalu, semua kakitangan Perpustakaan Ibnu Khaldun telah meluangkan masa bersama untuk meraikan majlis perpisahan Penyelaras Perpustakaan, YBrs Ts. Dr. Ainul Haezah, yang diadakan di Mios Cafe, Seksyen 13. Beliau dikehendaki untuk kembali ke jabatan bagi memenuhi keperluan sebagai tenaga pengajar di Jabatan Kejuruteraan Awam.

Sepanjang hampir dua tahun menggalas tanggungjawab sebagai Penyelaras di Unit Penerbitan & Pusat Sumber, beliau telah memberikan pelbagai sumbangan yang berharga. Antaranya, perolehan koleksi bahan terbitan jabatan semakin bertambah, begitu juga dengan sumbangan daripada para pensyarah. Peningkatan ini secara tidak langsung telah memperkayakan koleksi IR perpustakaan, yang memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan untuk pembelajaran di PSA.



Sambutan Hari Lahir Oktober 2024

Semua kakitangan Perpustakaan Ibnu Khaldun bersama meraikan sambutan ini.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT 2024

Pengenalan Kepada Teknologi Kecerdasan Buatan (AI)



14 Oktober 2024

YBrs Ts. Dr. Luqman Hakim bin Ahmad Shah dari Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah memberikan taklimat yang bertajuk "Enhancing Thesis Writing with AI tools" dan "Enhancing Work Productivity with AI Tools" kepada pelajar dan kakitangan PSA.

Pada 14 dan 15 Oktober 2024, Perpustakaan Ibnu Khaldun telah menjemput dua penceramah luar untuk memberikan taklimat tentang Program Literasi Maklumat 2024: Pengenalan kepada Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi pelajar dan kakitangan PSA di Dewan Kuliah, JKE.



15 Oktober 2024

Encik Azizan bin Ruba'an dari EmpayarPixel telah memberikan taklimat yang bertajuk "Pengenalan Asas Pembuatan Video" dan "Penggunaan AI dalam membantu Penghasilan Video".



LAWATAN PENANDA ARAS 17 OKTOBER 2024 KE PERPUSTAKAAN SERAMBI ILMU

Lawatan penanda aras merupakan salah satu KPI utama Perpustakaan Ibnu Khaldun. Kali ini, Perpustakaan Serambi Ilmu Rakyat (SIR) dipilih sebagai destinasi lawatan bagi mendalami perkhidmatan pangkalan data yang disediakan serta mengukuhkan jalinan kerjasama.

Untuk makluman, Serambi Ilmu Bank Rakyat telah menyumbangkan dua buah komputer, pangkalan data, serta meja khas bagi kemudahan pengguna mengakses pangkalan data tersebut di Sudut "SIR Corner" di Perpustakaan Ibnu Khaldun.

Langganan ini boleh diakses secara percuma melalui laman web yang tersedia di ruang bacaan perpustakaan.

Lawatan PTAR UiTM ke Perpustakaan Ibnu Khaldun

Pada 17 Oktober 2024, Perpustakaan Ibnu Khaldun, PSA, telah menerima lawatan dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM selaku perpustakaan penghubung yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan Tinggi.



Inisiatif ini menyokong matlamat KONSEPT dalam memperluaskan akses sumber ilmiah digital bagi warga pendidikan tinggi, sekali gus mengoptimumkan maklumat, fasiliti, dan perkhidmatan perpustakaan.



Ketua Pustakawan PTAR, YBrs Ts. Haji Azizi Bin Haji Jantan, bersama Encik Ahmad Amiri Bin Mohamad (Pengarah BPPN) dan Puan Aznur Umiza Binti Abu Kasim @ Abu Kassim (Pengarah BSRU), disambut mesra oleh Puan Nor Zarini binti Ismail, Puan Siti Zubaidah binti Ahmad, dan Puan Beghum Ulfhat Shehnaaz binti Amir Razli.

Penerimaan Loker Berkunci

Pada 30 Oktober 2024 yang lalu, Perpustakaan Ibnu Khaldun telah menerima dua set loker berkunci sebagai penggantian kepada loker lama yang telah mengalami kerosakan di sudut loker.

Penambahan loker baharu ini bertujuan untuk memberikan kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna perpustakaan dalam menyimpan barang peribadi mereka semasa berada di dalam perpustakaan.

Dengan adanya loker berkunci yang baharu, diharapkan kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar dan staf, sekaligus meningkatkan keselesaan serta keselamatan penggunaan ruang perpustakaan.



PROGRAM PENGUKUHAN KOMPETENSI PPAF

Pusat Pengurusan Aset & Fasiliti (PPAF)

5 & 6 November 2024

Dalam usaha meningkatkan kemahiran dan kebersamaan dalam pasukan, Program Pengukuhan Kompetensi telah dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Aset dan Fasiliti yang terdiri daripada Unit Pengurusan Aset dan Stor (UPAS), Unit Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (UKK), Pusat Sumber dan Penerbitan dan Smartgreen Polycc PSA dengan menekankan pendekatan interaktif melalui pelbagai aktiviti berpasukan.



DMI NOTE 11 | KSRV



PPAF : 5 - 6 NOV 2024



Program ini bertujuan untuk memperkuuh kemahiran komunikasi, kepimpinan, penyelesaian masalah, serta semangat kerjasama yang tinggi dalam kalangan peserta.

Sepanjang program, peserta terlibat dalam aktiviti dinamik yang menguji keupayaan mereka dalam bekerja sebagai satu pasukan. Setiap cabaran direka khas untuk menggalakkan pemikiran kreatif, ketangkasan dalam membuat keputusan, serta memperkuuh kepercayaan antara ahli pasukan.

Dengan adanya program seperti ini, diharapkan setiap peserta dapat mengaplikasikan pengalaman dan kemahiran yang diperoleh dalam tugas harian, sekali gus membentuk pasukan yang lebih kukuh, efisien, dan berdaya saing dalam mencapai kecemerlangan organisasi.



PROGRAM PENGUKUHAN KOMPETENSI UNIT PPAF



Pemenang mengikut kumpulan bagi Program Pengukuhan Kompetensi PPAF



NORIPAH AIN BINTI SAIAN
(Unit Kewangan)



JAMALIAH BINTI JAAFAR
(Jabatan Sukan, Korikulum dan Kebudayaan)



TENGKU NUR SYARAH BARIAH BINTI
RAJA MOHD YAZIT
(Jabatan Kejuruteraan Awam)

Kuiz Pameran Maya



MUHAMMAD NABIL BIN RAZAK
(Jabatan Kejuruteraan Awam)



ABDULLA BIN MUKHZAR
(Jabatan Kejuruteraan Awam)



IZZAD ROZAIDI BIN ZAINUDDIN
(Jabatan Kejuruteraan Awam)

PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG PERTANDINGAN SEMPENA HARI KEMERDEKAAN 2024

Majlis penyampaian hadiah bagi pemenang pertandingan sempena Hari Kemerdekaan 2024 berlangsung meriah pada 14 November 2024 sebagai penghargaan kepada peserta yang kreatif, berusaha, dan bersemangat patriotik.

Antara pertandingan yang dianjurkan ialah Kuiz Pameran Maya, Teka Silang Kata, dan Deklamasi Puisi bagi kategori kakitangan dan pelajar.

Hadiah diberikan kepada pemenang pelbagai kategori, mengiktiraf bakat mereka serta memupuk semangat cintakan negara.



Jeka Silang Kata

Penyampaian Hadiah PEMENANG PERTANDINGAN Hari Kemerdekaan 2024





GOTONG-ROYONG

pelupusan aset

29 NOVEMBER 2024



Bagi memastikan pengurusan aset yang lebih sistematik dan ruang stor yang kemas, satu gotong-royong pelupusan aset dan penyusunan semula bilik stor telah diadakan dengan penuh semangat kerjasama.

Aktiviti ini melibatkan proses pelupusan aset yang tidak lagi digunakan serta penyusunan semula barang bagi memaksimumkan ruang penyimpanan. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengurusan aset, tetapi juga mewujudkan persekitaran kerja yang lebih teratur dan produktif.

Diharapkan inisiatif ini dapat diteruskan bagi memastikan ruang stor kekal kemas, mudah diakses, dan berfungsi dengan lebih baik.





GOTONG-ROYONG

pelupusan aset



PESTA BUKU ANTARABANGSA SELANGOR 2024

Bengkel Pembuatan Video Menggunakan AI

Sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan ilmu dan kepakaran, Puan Beghum Ulphat Shehnaaz Binti Amir Razli, Puan Nur Athirah binti Ismail dan Puan Salinah binti Salleh telah menghadiri serta mengurus kursus khas sempena Pesta Buku Antarabangsa Selangor pada 2 Disember 2024.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman serta kecekapan dalam pengurusan perpustakaan, selain menjadi platform pertukaran idea dan pengalaman antara peserta.

Melalui penglibatan ini, para peserta berpeluang mendalami ilmu baharu, membina jaringan profesional, serta menyumbang kepada kelancaran acara berprestij ini.






PSA Sihat 2.0

Program PSA Sihat 2.0 pada 6 Disember 2024 diteruskan dengan Cabaran 10,000 langkah, yang disertai oleh kakitangan Perpustakaan Ibnu Khaldun dengan penuh semangat. Seawal 7.30 pagi, peserta bersedia, dimulakan dengan sesi pemanasan oleh Pegawai Sukan PSA.

Pelepasan rasmi disempurnakan oleh Puan Zainah Rujihan, Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Semua peserta berjaya menamatkan 10,000 langkah (6.5 km) dengan jayanya.



LAWATAN PELAJAR JEPUN KE PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN

Sempena Program Mobiliti Pelajar Cultural Exchange - PSA & KOKUSAI KORYU GROUP JAPAN



18 DISEMBER 2024

Perpustakaan Ibnu Khaldun berbesar hati menerima kunjungan pelajar dari Jepun dalam satu lawatan ilmiah bagi meneroka kemudahan, sistem pengurusan maklumat, dan budaya pembelajaran di institusi ini.

Sepanjang lawatan, para pelajar diberi penerangan mengenai peranan perpustakaan dalam menyokong akademik dan penyelidikan, selain melihat secara dekat koleksi bahan bacaan serta teknologi perpustakaan digital.

TAKLIMAT LNPT PPAF

PUSAT PENGURUSAN ASET & FASILITI (PPAF)


Taklimat Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2024 telah diadakan pada 19 Disember 2024 oleh Pusat Pengurusan Aset dan Fasiliti (PPAF) yang terdiri daripada Unit Pengurusan Aset dan Stor (UPAS), Unit Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (UKK), Pusat Sumber dan Penerbitan dan Smartgreen Polycc PSA bagi memberi pencerahan kepada semua warga kerja mengenai prosedur, kaedah penilaian, serta kepentingan LNPT dalam menilai pencapaian dan pembangunan kerjaya.

Taklimat ini bertujuan memastikan setiap individu memahami kaedah pengisian LNPT dengan lebih terperinci agar penilaian dapat dijalankan secara adil, telus, dan objektif.

Sepanjang sesi, para peserta diberikan panduan serta pencerahan mengenai aspek penting dalam LNPT, termasuk penekanan terhadap kompetensi, pencapaian kerja, dan sumbangan kepada organisasi.

Cara pemberian markah yang ditentukan pihak pengurusan juga telah dimaklumkan kepada semua kakitangan PPAF bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai mekanisme penilaian yang digunakan.





Dekorasi & pemasangan fasiliti dan kemudahan perpustakaan

Bagi meningkatkan keselesaan pengguna, kerja mengecat dan pemasangan fasiliti baharu telah dijalankan di perpustakaan sepanjang bulan Disember 2024.

Sentuhan warna baharu menyegarkan suasana, manakala penambahan fasiliti seperti Coffee Corner dan Ruang Santai mempertingkatkan kemudahan dan pengalaman pengguna.

Sudut loker simpanan beg juga telah diubah suai untuk mencipta suasana yang lebih ceria, kemas, dan mesra pengguna. Penambahbaikan ini diharap dapat meningkatkan keselesaan serta pengalaman pengunjung.

Usaha ini diharapkan dapat mewujudkan ruang pembelajaran yang lebih selesa, menarik, dan mesra pengunjung.



PERPUSTAKAAN IBNU KHALDUN

Berwajah baharu



POSTER PROMOSI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Inspirasi iSwin

"Bersyukur dengan apa yang ada dan anda akan mendapat lebih banyak. Jika anda menumpukan perhatian kepada apa yang anda tidak ada, anda tidak akan pernah berasa cukup."

(OPRAH WINFREY)

"Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya"

Disediakan oleh Pusat Sumber dan Penerbitan PSA
perpustakaanibnukhalidunpsa Perpustakaan Ibu Khalid PSA Perpustakaan Ibu Khalidun F

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Inspirasi iSwin

"Bukan gunung yang kita takluki, tetapi diri kita sendiri."

EDMUND HILLARY

"Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya"

Disediakan oleh Pusat Sumber dan Penerbitan PSA
perpustakaanibnukhalidunpsa Perpustakaan Ibu Khalid PSA Perpustakaan Ibu Khalidun F

Inspirasi iSwin
JULAI-DISEMBER 2024

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Inspirasi iSwin

"Percaya dan yakin anda boleh kerana itu sudah bermakna anda sudah berada separuh jalan daripada matlamat anda."

THEODORE ROOSEVELT

"Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya"

Disediakan oleh Pusat Sumber dan Penerbitan PSA
perpustakaanibnukhalidunpsa Perpustakaan Ibu Khalid PSA Perpustakaan Ibu Khalidun F

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Inspirasi iSwin

"Jangan berputus asa. Ia bukan sesuatu yang sudah berakhir, tetapi hanya permulaan yang baru."

"Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya"

Disediakan oleh Pusat Sumber dan Penerbitan PSA
perpustakaanibnukhalidunpsa Perpustakaan Ibu Khalid PSA Perpustakaan Ibu Khalidun F

POSTER PROMOSI



Mutiara Kata
JULAI-DISEMBER 2024

POSTER PROMOSI

Quote of the Day

"A healthy attitude is contagious but don't wait to catch it from others. Be a carrier."

- Tom Stoppard

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"

DISEDIAKAN OLEH PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Quote of the Day

"To get rich never your risk your health. For it is the truth that health is the wealth of wealth."

- Richard Baker

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"

DISEDIAKAN OLEH PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

Quote of the Day

"But the real secret to lifelong good health is actually the opposite: Let your body take care of you."

- Deepak Chopra

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"

DISEDIAKAN OLEH PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

Quote of the day

JULAI-DISEMBER 2024

Quote of the Day

"Let thy food be thy medicine and thy medicine be thy food."

- Hippocrates

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"

DISEDIAKAN OLEH PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Quote of the Day

"One cannot think well, love well, sleep well, if one has not dined well."

- Virginia Woolf

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"

DISEDIAKAN OLEH PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

POSTER PROMOSI

Quote of the day

JULAI-DISEMBER 2024

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

"BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA"
DISEDIAKAN OLEH PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

Quote of
the Day

